# LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
## SABTU 14 JANUARI 2023

| BIL | TAJUK KERATAN AKHBAR | KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI |
|---|---|---|
| 1. | MAFS CAKNA MASALAH NELAYAN, NASIONAL, SH -25 | KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (MAFS) |
| 2. | TERENGGANU CEBURI INDUSTRI PENTERNAKAN AYAM PENELUR, NEGARA, KOSMO -16 | LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA) |
| 3. | RM200k ALLOWANCE FOR FISHERMEN, NEWS, SIN CHEW DAILY -4 | LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM) |
| 4.<br>5.<br>6.<br>7.<br>8.<br>9.<br>10. | KERAJAAN SEMAK SEMULA PENETAPAN HARGA SILING AYAM, MALAYSIA MSN -ONLINE<br>KERAJAAN TELITI SEMULA HARGA AYAM, NASIONAL, BH -2<br>GOVT TO REVIEW CHICKEN CEILING PRICE: SALAHUDDIN, NATION, KWONG WAH YIT POH -A5<br>SALAHUDDIN TO DISCUSS STABILISING FOOD PRICES WITH FOUR MANUFACTURES, NEWS, GUANG MING DAILY -A5<br>THE MINISTRY TO DISCUSS WITH FOUR COMPANIES TO STABILISE PRICES, NATION, SIN CHEW DAILY -9<br>KERAJAAN AKAN KAJI SEMAK SEMULA HARGA SILING AYAM, TEMPATAN, UTUSAN SARAWAK -18<br>MINISTER DISCUSSES WITH INDUSTRY TO SET NEW CEILING PRICE TO STABILISE CHICKEN SUPPLY, WEST SABAH, SEE HUA DAILY NEWS -A9 | LAIN-LAIN |

UKK MAFS

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFS, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | MAFS cakna masalah nelayan | | |
| MediaTitle | Sinar Harian | | |
| Date | 14 Jan 2023 | Color | Full Color |
| Section | Nasional | Circulation | 140,000 |
| Page No | 25 | Readership | 420,000 |
| Language | Malay | ArticleSize | 390 cm² |
| Journalist | Oleh NURUL HIDAYAH HAMID KUALA KEDAH | AdValue | RM 8,268 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 24,804 |



# MAFS cakna masalah nelayan

Bagi memastikan kebajikan nelayan terus diperkasakan

Oleh NURUL HIDAYAH HAMID
KUALA KEDAH

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (MAFS) melalui Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) sentiasa bersiap siaga dan cakna dengan setiap permasalahan yang dihadapi oleh kumpulan sasar nelayan.

Menurut Unit Komunikasi Korporat LKIM dalam satu kenyataan pada Khamis, ia bagi memastikan kebajikan nelayan terus diperkasakan, sekali gus keselesaan dan keperluan golongan tersebut diberi perhatian sewajarnya.

"MAFS juga komited menyediakan pelbagai bantuan yang komprehensif bagi meringankan beban nelayan menerusi LKIM. Untuk tujuan tersebut, penilaian secara menyeluruh dilaksanakan dari masa ke masa agar keperluan golongan sasar dapat diteliti bagi menyediakan bantuan sewajarnya kepada mereka.

"Kementerian melalui LKIM juga sentiasa berusaha dan terus membantu meringankan beban ditanggung golongan sasar nelayan, selain kebajikan dan keselamatan mereka terjaga sebagai dukungan dalam memastikan sekuriti makanan sentiasa terjamin dalam apa juga keadaan," menurut kenyataan itu.

Sebelum itu, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Mohamad Sabu turun padang menjayakan Program Jiwa Murni LKIM serta Majlis Penyampaian Bantuan kepada nelayan Kedah pada Khamis.

Beliau menyampaikan Elaun Sara Hidup Nelayan (ESHN) sebanyak RM300 kepada 690 orang nelayan yang merupakan ahli Persatuan Nelayan Kawasan (PNK) Kuala Kedah melibatkan peruntukan sebanyak RM207,000.

Untuk rekod, sebanyak RM8.08 juta telah disalurkan melalui peruntukan ESHN LKIM untuk manfaat seramai 2,224 penerima pada 2022 bagi negeri Kedah.



Mohamad (duduk, kanan) turun padang bagi menjayakan Program Jiwa Murni LKIM dan Majlis Penyampaian Bantuan Kepada Nelayan Negeri Kedah di Kuala Kedah pada Khamis.

Dalam pada itu, setiap PNK di Kedah turut menerima Bantuan Touch Point sebanyak RM50,000 dengan setiap PNK di negeri ini, masing-masing menerima RM10,000 untuk diberikan kepada nelayan ahli persatuan yang berkelayakan bagi pembelian peralatan menangkap ikan seperti pukat dan tong ikan berinsulasi.

Pada majlis sama, turut disampaikan bantuan sumbangan zakat Agrobank sebanyak RM200 kepada 100 orang asnaf miskin nelayan PNK Kuala Kedah, selain pemberian Sijil Penghargaan Program Agro Nisaa' kepada lima penerima program pembiayaan komuniti nelayan di Kuala Kedah.

Ia hasil kerjasama strategik Agrobank dan Nekmat bagi menyokong komuniti nelayan dalam memastikan pendapatan isi rumah sosioekonomi komuniti nelayan dapat ditingkatkan.

Seramai 25 peserta terbahagi kepada lima kumpulan di kawasan Kuala Kedah dan sekitarnya juga menerima manfaat daripada program berkenaan dengan nilai pembiayaan melebihi RM150,000.

Program tersebut dilihat dapat membantu meningkatkan purata pendapatan usahawan sekitar 40 hingga 60 peratus daripada pendapatan sebelumnya.

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Terengganu ceburi industri penternakan ayam penelur | | |
| MediaTitle | Kosmo | | |
| Date | 14 Jan 2023 | Color | Full Color |
| Section | Negara | Circulation | 155,996 |
| Page No | 16 | Readership | 467,988 |
| Language | Malay | ArticleSize | 218 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 5,657 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 16,971 |





*Harga (RM/kg) Sumber: KPDNHEP



**AZMAN (kiri) memeriksa bekalan telur ayam yang dibekalkan FAMA di Pusat Pengedaran FAMA, Chendering. Kuala Terengganu semalam.**

# Terengganu ceburi industri penternakan ayam penelur

**KUALA TERENGGANU** – Terengganu bercadang untuk menceburi industri penternakan ayam penelur secara komersial bagi memenuhi keperluan Kadar Sara Diri (SSR) penduduk pada masa terdekat.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Makanan, Perladangan, Komoditi dan Pembangunan Luar Bandar Terengganu, Dr. Azman Ibrahim berkata, sebidang tanah seluas 121.5 hektar di Setiu dikenal pasti bagi tujuan itu.

Beliau berkata, beberapa bakal pelabur berpotensi yang berminat untuk membuka ladang ternakan ayam penelur di negeri ini sedang disenarai pendek.

"Sebelum ini kita tidak mempunyai ladang ternakan ayam penelur sebaliknya hanya memberi fokus kepada ternakan ayam pedaging.

"Antara bakal pelabur berpotensi ialah sebuah syarikat tempatan yang mempunyai ladang ternakan ayam pedaging berskala besar di negeri ini," katanya di Pusat Operasi Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) di Chendering di sini semalam.

Terdahulu beliau ditemui ketika memantau program agihan telur ayam dilaksanakan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (MAFS).

Ia merupakan inisiatif MAFS bagi menjamin sekuriti makanan dengan membekalkan telur ayam kepada rakyat dengan harga ditetapkan kerajaan secara konsisten.

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | RM200k allowance for fishermen | | |
| MediaTitle | Sin Chew Daily (Northern) | | |
| Date | 14 Jan 2023 | Color | Full Color |
| Section | News | Circulation | 11,698 |
| Page No | 4 | Readership | 35,094 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 128 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 386 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 1,158 |





莫哈末沙布（坐者左）与吉打港口的渔民交流。（LKIM提供）

# 吉港口漁協獲撥逾20萬

## 690會員獲生活津貼

（亚罗士打13日讯）农业及粮食安全部通过大马渔业发展局（LKIM），拨款20万7000令吉给吉打港口区域渔民协会的690名会员，作为渔民生活津贴。

该部去年也拨款总值808万令吉，给吉打州内2224名渔民生活津贴。

农业及粮食安全部部长莫哈末沙布昨日到吉打港口与渔民进行交流会上，移交津贴给受惠渔民。

大马渔业发展局较后发文告说，农业及粮食安全部将会关注和协助渔民所面对的问题，确保渔民的福利受到保障。

文告也说，吉打州内的5个区域渔民协会，各别获得1万令吉的援助津贴，让会员渔民可申请补贴，购买捕鱼器具。

Powered by: isentia

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 14/1/2023 | MALAYSIA MSN | ONLINE | |

# Kerajaan semak semula penetapan harga siling ayam

ALOR SETAR - Kerajaan akan mengkaji untuk menyemak semula penetapan harga siling ayam di negara ini selepas melihat bekalannya yang semakin pulih.



Salahuddin ketika lawatan kerja di Pusat Jualan Ayam Bismi di Simpang Empat Kangkong, Alor Setar hari ini. - Foto Bernama© Provided by Sinar Harian

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Datuk Seri Salahuddin Ayub berkata, semakan harga adalah bertujuan membantu pengguna untuk membeli harga bahan mentah itu pada harga murah.

"Kerajaan mengkaji untuk menyemak semula harga (siling ayam) dalam masa terdekat cuma menunggu masa sahaja.

"Saya melihat di seluruh negara pada hari ini, syarikat-syarikat (seperti pasar raya) bermurah hati menjual di bawah harga siling.

"Ada yang jual pada harga RM7.90 sekilogram dan ada yang menjual RM8.90 sekilogram," katanya pada sidang akhbar selepas lawatan kerja ke Pusat Jualan Ayam Bismi di Simpang Empat Kangkong, dekat sini pada Jumaat.

Related video: Kerajaan ambil alih projek OPV, suntik pinjaman RM152.6 juta (Dailymotion)

Harga siling ayam yang telah ditetapkan ketika ini adalah sebanyak RM9.40 sekilogram.

Salahuddin berkata, inisiatif yang diberikan oleh syarikat seperti pasar raya memberikan banyak ruang kepada rakyat untuk mendapatkan ayam pada harga lebih murah.

Ujarnya, kerjasama dengan peladang, pembekal dan penjual turut diadakan dalam memastikan tidak berlaku tuding jari membabitkan harga ayam dan fakta sebenar juga diperolehi apabila perjumpaan diadakan bersama pemain industri.

"Terdapat empat syarikat besar akan saya umumkan nanti. Saya akan meneruskan kerjasama ini secara terus kepada mereka.

"Jadi tunggu dulu biar saya mendapat fakta-fakta yang lebih lengkap daripada KPDN, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Kementerian Ekonomi dan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri.

"Ini supaya data-data itu apabila kita jumpa nanti dengan empat pemain utama ini, saya harap kita dapat berunding dengan baik dan kita cuba mencari satu penyelesaian supaya rantaian ini secara keseluruhannya untuk memberikan manfaat kepada rakyat mendapat harga yang lebih stabil," katanya lagi.

Dalam pada itu, Salahuddin menegaskan, walaupun bekalan dan telur ayam semakin stabil, beliau tetap mengarahkan Pejabat KPDN negeri supaya tidak leka, memantau dan memberikan maklum balas agar kes putus atau kurang bekalan barang keperluan utama tidak berulang.

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Kerajaan teliti semula harga ayam | | |
| MediaTitle | Berita Harian | | |
| Date | 14 Jan 2023 | Color | Full Color |
| Section | Nasional | Circulation | 82,252 |
| Page No | 2 | Readership | 246,756 |
| Language | Malay | ArticleSize | 340 cm² |
| Journalist | Oleh Noorazura Abdul Rahman | AdValue | RM 11,302 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 33,905 |



# Kerajaan teliti semula harga ayam

**Langkah bantu ringan beban rakyat selepas bekalan semakin pulih**

Oleh Noorazura Abdul Rahman
bhnews@bh.com.my

**Alor Setar:** Kerajaan akan meneliti semula harga siling ayam susulan bekalan bahan mentah itu kini semakin pulih.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Datuk Seri Salahuddin Ayub, berkata ia bagi membantu pengguna mendapatkan ayam pada harga lebih murah, berbanding harga siling RM9.40 sekilogram ketika ini.

"Kerajaan mengkaji untuk menyemak semula harga (siling ayam) dalam masa terdekat.

"Tetapi, saya lihat di seluruh negara pada hari ini, syarikat (pasar raya) bermurah hati untuk menjual di bawah harga siling (RM9.40). Ada yang jual pada harga RM7.90 sekilogram dan ada yang jual RM8.90 sekilogram.

"Saya berterima kasih kerana inisiatif mereka ini memberikan banyak ruang kepada rakyat untuk mendapatkan ayam pada harga lebih murah," katanya ketika ditemui selepas lawatan kerja ke Pusat Jualan Ayam Bismi di Simpang Empat Kangkong, di sini, semalam.




*Salahuddin (empat dari kanan) ketika melawat Pusat Jualan Ayam Bismi di Simpang Empat Kangkong, Alor Setar, semalam.* (Foto Luqman Hakim Zubir)

## Dapatkan fakta sebenar

Mengulas lanjut, Salahuddin berkata, pihaknya turut mengadakan kerjasama dengan peladang, pembekal dan penjual bagi memastikan tidak berlaku tuding jari membabitkan harga ayam.

Katanya, pertemuan dengan pemain sebenar industri itu sangat penting untuk mencari fakta sebenar mengenai rantaian bekalan bahan berkenaan.

"Ada empat syarikat besar yang akan saya umumkan nanti. Saya akan meneruskan kerjasama ini secara terus kepada mereka.

"Saya akan dapatkan fakta lebih lengkap daripada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (MAFS), Kementerian Ekonomi dan daripada Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI).

"Bila jumpa dengan empat pemain utama, saya harap kita dapat berunding dengan baik dan kita cuba mencari satu penyelesaian supaya rantaian ini secara keseluruhannya dapat kita perbaiki. Ini akan memberikan manfaat kepada rakyat untuk mendapat harga yang lebih stabil," katanya.

Sementara itu, Salahuddin berkata, walaupun bekalan ayam sudah stabil dan telur ayam semakin stabil, pihaknya tetap mengarahkan Pejabat KPDN negeri supaya tidak leka dan terus memantau serta memberi maklum balas supaya kes putus atau kurang bekalan barang keperluan utama itu tidak berulang.

Powered by: isentia

| | |
|---|---|
| Headline | Govt to review chicken ceiling price: Salahuddin |
| MediaTitle | Kwong Wah Yit Poh |
| Date | 14 Jan 2023 |
| Section | Nation |
| Page No | A5 |
| Language | Chinese |
| Journalist | N/A |
| Frequency | Daily |

| | |
|---|---|
| Color | Full Color |
| Circulation | 59,667 |
| Readership | 179,000 |
| ArticleSize | 141 cm² |
| AdValue | RM 1,581 |
| PR Value | RM 4,743 |



## 沙拉胡丁:供应回稳

# 近期商讨制定肉鸡新顶价




沙拉胡丁（左 2）在阿兹里（左 3）等人陪同下，巡视 Ayam Bismi 有限公司的鸡肉销售中心。

（亚罗士打 13 日讯）随着肉鸡供应已回稳，国内贸易与生活成本部长拿督斯里沙拉胡丁说，该部将在近期内与业界商讨制定新的顶价。

他指出，目前标准净鸡的顶价是每公斤 9 令吉 40 仙，但根据他走访各地观察，有些公司较为大方，售价每公斤 7 令吉 90 仙，有者则卖 8 令吉 90 仙。

“我非常感谢他们，因为奖掖，他们有空间让人民以更便宜的价格购买。”

他周五上午巡视 Ayam Bismi 有限公司的鸡肉销售中心暨为其公司推出最新鸡肉产品主持推介后，这么向记者说。询及新的顶价是否会更低？他说，此事容后定夺，希望与业界的商议取得不错的成果。

他指出，除了与肉鸡供应与贩售业者开会，该部也将与业界龙头会商，了解国内市场的肉鸡供需详情。

他希望透过上述会面能鉴定问题的导因，以及需求解决方案改善市场的供需问题。

“我稍后会宣布这 4 家大公司，我将继续针对问题的源头等与他们直接交涉。就先等等，我先从部门、农业与粮食安全部、经济部和国际贸易与工业部方便取得更完整的资料。”

另一方面，他说，尽管有数个地方比如杂货店、乡区或许有面对包装食油短缺问题，但大致上包装食油供应是足够；一旦有接获包装食油短缺的投诉，执法人员将即刻采取行动展开巡视，以便问题在短时间内得以解决。

“同样的若发生走私包装食油或滥用的事件，我们部门及执法人员将采取行动对付相关者”

他也不忘吁请还未登记食油稳定机制（ECOSS）的商家可以前往各县国内贸易及生活成本局，该局人员将协助商家进行登记，以便他们可以直接向供应商拿到包装食油货源。#

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Salahuddin to discuss stabilising food prices with four manufacturers | | |
| MediaTitle | Guang Ming Daily | | |
| Date | 14 Jan 2023 | Color | Full Color |
| Section | News | Circulation | 49,712 |
| Page No | A5 | Readership | 149,136 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 334 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 5,030 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 15,090 |



## 沙拉胡丁將晤4生產商

# 探討穩定食品價

■沙拉胡丁（左三）贊賞Ayam Bismi有限公司以每公斤8令吉98仙的低价售卖净鸡。




**（亚罗士打13日讯）国内贸易及生活费部长拿督斯里沙拉胡丁说，他将在未来一个月内，与国内4大食品生产商商讨，从根源开始探讨，让整个食品价格链更稳定。**

他说，他首先将向其他3个部门，即农业及粮食安全部、国际贸易及工业部以及经济部取得数据，共同商讨双赢方案，解决物价高涨和不稳定的问题。

他认为，商家之间保持良性的竞争，调低零售价格吸引顾客，消费者自然成为最大赢家。

“现在一些超市，如Econsave、Mydin、NSK、Aeon Big等都相互竞争，让消费者以更低价格采购货品。”

### 赞一些商家低于顶价售鸡肉

沙拉胡丁今日到吉打十字港Ayam Bismi有限公司巡视鸡肉供应后在记者会上说，虽然政府将标准净鸡的零售顶价定为每公斤9令吉40仙，但一些商家却低于顶价卖鸡肉，如9令吉20仙、8令吉98仙等，这是非常值得鼓励的行为。

针对津贴食用油的供应，他说，津贴食用油的供应充足，若消费人买不到或价格贵，可向该部投诉。

在活动上，他欢迎Ayam Bismi有限公司成为该部旗下的爱心之友（Rakan Rahmah），并建议该公司将所设立的免费午餐店改为“爱心屋”。

该公司在吉打十字港庚贡路开设一家“免费午餐店”，提供各族免费午餐。（TKY）

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | The ministry to discuss with four companies to stabilise prices | | |
| MediaTitle | Sin Chew Daily | | |
| Date | 14 Jan 2023 | Color | Full Color |
| Section | Nation | Circulation | 288,920 |
| Page No | 9 | Readership | 866,760 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 392 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 11,807 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 35,421 |






沙拉胡丁（左三）赞赏Ayam Bismi有限公司以每公斤8令吉98仙的低价售卖净鸡。左起是公司物流主任阿兹万、厨师赛夫丁及Ayam Bismi公司总经理阿兹里（右三）。（黄息玲摄）

## 沙拉胡丁：先與3部門尋雙赢

# 月内與4企業商穩物價

（亚罗士打13日讯）国内贸易及生活费部长拿督斯里沙拉胡丁透露，他将在一个月内与国内4个大企业食品生产商商讨，从根源开始探讨，让整个食品价格链更稳定。

他说，首先他将向其他3个部门，即农业及粮食安全部、国际贸易及工业部以及经济部取得相关数据后，共同商讨并寻求双赢方案，一次过解决物价高涨和不稳定的问题。

### 商家良性竞争 消费者获利

他认为，商家之间保持良性的竞争，调低零售价格吸引顾客，消费者自然成为最大赢家。

“现在一些超级市场，如Econsave、MYDIN、NSK、永旺广场（AEON BIG）等都相互竞争，让消费者以更低价格采购货品。”

沙拉胡丁今日到吉打十字港Ayam Bismi有限公司巡视净鸡供应后，在新闻发布会上说，虽然现在政府定价标准净鸡零售顶价为每公斤9令吉40仙，但一些商家却以低过顶价卖鸡肉（9令吉20仙、8令吉98仙等），这是值得鼓励的行为。

他说，内贸部将检讨标准净鸡每公斤9令吉40仙的零售顶价，确保人民以更稳定的价格购买净鸡。

“随着市场供应趋稳，内贸部将尽快与业者讨论新的标准净鸡顶价。”

询及新的顶价是比较便宜或更贵时，他说，这须先与业者会面讨论再决定，并期望可取得良好的讨论结果。

## 津貼袋裝食油供應充足

针对津贴食用油供应，沙拉胡丁强调，津贴食用油供应充足，如果消费人买不到或价格贵，可向内贸部投诉，让执法员采取对付行动。

他说，内贸部采取食油稳定机制（COSS），凡在这机制下注册的商家，都可获得足够津贴袋装食油的配额。

另外，沙拉胡丁也欢迎Ayam Bismi有限公司加入成为内贸部旗下的爱心之友（Rakan Rahmah），并建议该公司所开设的免费午餐店易名为“爱心屋”。

该公司在吉打十字港庚贡路开设一家“免费午餐店”，提供各族免费午餐。

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Kerajaan akan kaji semula harga siling ayam | | |
| MediaTitle | Utusan Sarawak | | |
| Date | 14 Jan 2023 | Color | Black/white |
| Section | TEMPATAN | Circulation | 37,981 |
| Page No | 18 | Readership | 113,943 |
| Language | Malay | ArticleSize | 395 cm² |
| Journalist | Bernama | AdValue | RM 2,351 |
| Frequency | Daily (EM) | PR Value | RM 7,053 |



# Kerajaan akan kaji semula harga siling ayam

**ALOR SETAR:** Penetapan harga siling RM9.40 sekilogram bagi ayam standard di pasaran akan dikaji semula bagi memastikan rakyat mendapat sumber protein itu pada harga yang lebih stabil.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Datuk Seri Salahuddin Ayub berkata, berikutan bekalan ayam di pasaran sudah pulih, pihaknya akan melakukan perbincangan dengan pemain industri itu untuk menentukan harga siling baharu dalam masa terdekat.

"Harga siling setakat ini kita kekal RM9.40 sekilogram tetapi saya lihat di seluruh negara pada hari ini syarikat-syarikat bermurah hati untuk menjual di bawah harga siling, ada yang jual RM7.90 sekilogram, ada jual RM8.90 sekilogram.

"Saya sangat berterima kasih kepada mereka kerana insentif mereka ini memberikan banyak ruang kepada rakyat untuk mendapatkan harga yang lebih murah," katanya kepada pemberita selepas melawat sebuah pusat jualan ayam di sini, semalam.



**LAWATAN** Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup Datuk Seri Salahuddin Ayub melakukan lawatan kerja di Pusat Jualan Ayam Bismi di Simpang Empat Kangkong semalam. Syarikat Bismi Empire merupakan antara pemain industri pengeluaran ayam utama yang menekankan konsep halal seratus peratus merangkumi proses ternakan, makanan, sembelihan, pembungkusan dan pengedaran ayam. - foto BERNAMA

Ditanya sama ada harga siling baharu itu nanti akan lebih murah berbanding harga siling semasa atau sebaliknya, Salahuddin berkata perkara itu akan ditentukan kemudian dan berharap rundingan baik dapat dilakukan dengan pemain industri.

Salahuddin berkata selain mengadakan perbincangan dengan pembekal dan penjual ayam, pihaknya juga akan mengadakan pertemuan dengan pemain utama industri itu bagi mendapatkan perincian berhubung isu bekalan ayam di pasaran.

Beliau berkata pertemuan itu diharap dapat mengenal pasti punca kepada masalah yang berlaku dan mencari penyelesaian supaya rantaian bekalan di pasaran dapat diperbaiki.

"Ada empat syarikat besar yang saya akan umumkan nanti, saya akan meneruskan libat urus ini terus kepada mereka, kepada punca dari mana masalah ini berlaku.

"Jadi tunggu dulu, biar saya dapatkan fakta-fakta yang lebih lengkap daripada kementerian (KPDN), daripada MAFS (Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan), Kementerian Ekonomi dan MITI (Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri)," katanya.

Sementara itu, beliau menggesa peruncit khususnya di kawasan luar bandar untuk mendaftar dengan Sistem Skim Penstabilan Harga Minyak Masak (ECOSS) yang diwujudkan kementerian bagi membolehkan mereka mendapatkan bekalan minyak masak bersubsidi secara terus daripada pembekal. - Bernama

Powered by: isentia

| | |
|---|---|
| Headline | Minister discusses with industry to set new ceiling price to stabilise chicken supply |
| MediaTitle | See Hua Daily News |

| | | | |
|---|---|---|---|
| Date | 14 Jan 2023 | Color | Full Color |
| Section | West Sabah | Circulation | 63,549 |
| Page No | A9 | Readership | 190,647 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 165 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 1,850 |
| Frequency | Daily (EM) | PR Value | RM 5,550 |



# 沙拉胡丁：肉雞供應回穩
# 與業者商討定新頂價

**（亚罗士打13日讯）随著肉鸡供应回稳，国内贸易及生活成本部长拿督斯里沙拉胡丁指该部将在近期内与业界商讨制定新的顶价。**

根据《马新社》报导，他今日巡视一间肉鸡售卖中心后指出，目前标准净鸡的顶价是每公斤9令吉40仙。

惟他说，根据他走访各地的观察，有些公司较为大方，净鸡以每公斤7令吉90仙或8令吉90仙售卖。

“我非常感谢他们，因为奖掖，他们有空间让人民以更便宜的价格购买。”

询及新的顶价是否会更低？他说，此事容后定夺，希望与业界的商议取得不错的成果。他说，除了与肉鸡供应与贩售业者开会，该部也将与业界龙头会商，了解国内市场的肉鸡供需详情。

他希望透过上述会面能鉴定问题的导因，以及需求解决方案改善市场的供需问题。

“我稍后会宣布这4家大公司，我将继续针对问题的源头等与他们直接交涉。

“就先等等，我先从部门、农业与粮食安全部、经济部和国际贸易与工业部方便取得更完整的资料。”